

Bantuan pendidikan untuk lepasan SPM

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

KERAJAAN Selangor menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di negeri ini untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi.


Bantuan meliputi biasiswa atau pinjaman (rujuk gambar rajah) bertujuan memudahkan mereka menyambung pengajian ke menara gading baik ke universiti tempatan mahupun luar negara atau kolej kemahiran.

Menurut Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Ahmad Azri Zainal Nor, pihaknya juga menyediakan bantuan kepada lepasan SPM yang memilih laluan ke tingkatan enam.

Beliau menjelaskan laluan berkenaan yang membawa kepada peperiksaan Sijil Tinggi

Persekolahan Malaysia (STPM) masih menjadi pilihan ribuan pelajar setiap tahun untuk layak ke universiti.

Katanya, Selangor akan membuat pengumuman rasmi berkaitan bantuan merangkumi peranti serta data internet percuma selama dua tahun iaitu tempoh pengajian tingkatan enam sekitar April.



"Pelajar tingkatan enam sering terlepas pelbagai bantuan. Kita tidak mahu mereka dilihat pilihan kedua hanya kerana tidak terus ke universiti atau kolej," katanya kepada Media Selangor.

Ahmad Azri memberitahu inisiatif pertama kali itu membabitkan kuota 300 pelajar dan pemilihan akan dibuat melalui kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan kesemua Pejabat Pendidikan Daerah bagi mengenal pasti pelajar yang layak.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor menyediakan baucar buku bernilai RM200 kepada pelajar tingkatan enam bagi membantu mereka membeli bahan bacaan rujukan yang diteruskan tahun ini.

Pada tahun lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan sebanyak RM400,000 disediakan bagi meneruskan inisiatif itu yang dijangka bertambah pada tahun ini.

Seramai 413,372 pelajar menduduki peperiksaan SPM di seluruh negara antara 3 November hingga 23 Disember pada tahun lalu. Bilangan tersebut termasuk 73,899 calon di Selangor.

Tahun lalu, pelajar mendapat keputusan gred cemerlang iaitu A+, A dan A- bagi semua mata pelajaran SPM di Selangor meningkat 0.50 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Gred Purata Negeri (GPN) bagi SPM 2024 untuk Selangor adalah 4.59 mata, meningkat 0.08 mata berbanding 4.67 pada tahun sebelumnya.

Bantuan Pendidikan Kerajaan Selangor

Kerajaan Selangor menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada lepasan SPM untuk meneruskan pembelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) awam mahupun swasta. Keutamaan diberi kepada kalangan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Pemohon tertakluk kepada perincian syarat meliputi tahap pencapaian akademik, pendapatan keluarga dan status penduduk. Untuk maklumat lengkap, layari danapendidikan.selangor.gov.my atau akses selangor.gov.my



HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT)

RM1,000 kepada anak Selangor dari keluarga berpendapatan bawah RM5,000 sebulan yang ikuti pengajian tahun pertama di institusi pengajian tinggi (IPT) awam atau swasta. Permohonan mulai **15 Mac hingga 14 April 2026**.

Untuk tampung kos tiga bulan pertama di kampus. 3,000 pelajar terima HPIPT tahun lalu. Dalam Belanjawan Selangor 2026, peruntukan ditingkat kepada **RM5 juta**



INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKTISAS SMART SELANGOR (IKTISASS)

Latihan kemahiran untuk **lepasan SPM** dan **institusi tahfiz** yang diiktiraf. Pemohon perlu hadir temu duga. Keutamaan kepada pelatih dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Latihan disediakan Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC). **Insentif** turut diberi kepada pelatih



PINJAMAN BOLEH UBAH DALAM NEGARA (PBUDN)

Terbuka kepada lepasan **SPM, diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah perubatan** dari kalangan anak Selangor atau pemastautin

PINJAMAN BOLEH UBAH LUAR NEGARA

Untuk anak Selangor yang daftar **pengajian sepenuh masa** ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) di universiti yang diiktiraf di **Mesir, Jordan** dan **Maghribi**. Kemudahan sama untuk mahasiswa ke 100 universiti terkemuka

PEDULI SISWA

Bantuan kepada anak Selangor yang lanjutkan pelajaran ke peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda IPT awam dan swasta di Selangor dan Kuala Lumpur. **Pendapatan isi rumah tidak lebih RM20,000 sebulan** layak



BIASISWA KHAS DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Terbuka kepada anak Selangor yang mengikuti pengajian peringkat **ijazah sarjana muda** dan **pascasiswazah** di **Mesir, Jordan** dan **Maghribi**



BIASISWA BITARA

Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor tawar **biasiswa penuh** untuk ijazah sarjana muda, sarjana, doktor falsafah meliputi **50 universiti** terkemuka. Terbuka kepada **penjawat awam dan orang awam**

BANTUAN ASAS YURAN UNIVERSITI (BAYU)

Terbuka kepada **mahasiswa Unisersiti Selangor (UNISEL)** dan **Universiti Islam Selangor (UIS)**. **RM500** setiap semester merangkumi yuran perpustakaan, makmal, kesihatan dan aktiviti pelajar. Untuk sesi **September 2026**, pengecualian 50 peratus yuran bagi kedua-dua universiti



BIASISWA SAGONG TASI

Khas untuk **orang Asli** di Selangor yang mengikuti pengajian di **IPTA, UNISEL, UIS** dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC)

15 tahfiz peroleh 7A, 8A tahun lalu

Laluan khas 400 pelajar setiap tahun

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

HAMPIR 400 pelajar tahfiz naungan Persatuan Institusi Tahfiz AL-Quran Selangor (PITAS) menyertai laluan khas atau Fast Track Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun sejak 2019.

Presidennya, Dr Muhammad Hafiz Haneefa memberitahu program sedemikian memberi peluang kepada mereka untuk menduduki SPM dalam tempoh singkat iaitu sekitar tujuh hingga lapan bulan.

Beliau menjelaskan kadar pencapaian akademik mencapai hampir 100 peratus kelulusan sekali gus membuktikan mereka berupaya mencapai kecemerlangan walaupun belajar pada hujung minggu.

"Malah tahun lalu sahaja, lebih 15 pelajar berjaya memperoleh keputusan cemerlang dengan 7A dan 8A," katanya kepada Media Selangor.

Dr Muhammad Hafiz percaya Kurikulum Moderasi Tahfiz Selangor yang turut memuatkan mata pelajaran asas termasuk sains dan matematik membantu pelajar membuat persediaan peperiksaan.

"Melalui kurikulum itu, pelajar tahfiz turut mempelajari matematik dan sains supaya mereka mempunyai asas akademik yang mencukupi untuk menghadapi peperiksaan," katanya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam belanjawan negeri pada 2019 menyediakan peruntukan RM1.94 juta kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk laluan khas itu.

Pelaksanaan berkenaan khusus buat sekolah tahfiz persendirian sepenuh masa Kerajaan Negeri bagi memudahkan pelajar tahfiz dari sekolah persendirian menduduki SPM dalam tempoh setahun.

Jadi rujukan

Selain itu, Dr Muhammad Hafiz berkata Selangor menjadi rujukan utama dalam pelbagai isu berkaitan institusi tahfiz pada peringkat kebangsaan berikutan pendekatan dasar dan pengurusan di negeri ini.

Beliau memberitahu banyak isu berkaitan pendidikan tahfiz di Malaysia sebenarnya ditangani



lebih awal melalui pendekatan yang dibangunkan Selangor.

Katanya, PITAS juga memainkan peranan penting membantu kerajaan membangunkan pelbagai dasar berkaitan pengajian tahfiz bersama beberapa agensi lain.

Jelasnya, PITAS terlibat secara langsung dalam membina dasar bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), JAIS, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Kementerian Pendidikan.

"Antara yang dibangunkan termasuk Dasar Pengurusan Tahfiz Selangor yang menjadi antara model penting dalam pengurusan institusi tahfiz," katanya.

Selain itu, PITAS turut terlibat dalam penyelidikan

peringkat kebangsaan dan antarabangsa bersama universiti bagi memperkukuh dasar pendidikan tahfiz.

"Antara projek penyelidikan besar ialah kajian dasar pengurusan dan kurikulum murid tahfiz di Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan pada 2020 dengan peruntukan sekitar RM400,000.

"Selain itu, terdapat juga projek penyelidikan berkaitan TVET Tahfiz yang melibatkan peruntukan kira-kira RM500,000," katanya lagi.

Menurut Dr Muhammad Hafiz, PITAS turut membantu membangunkan standard pendidikan tahfiz termasuk penyelarasan Sijil Kemahiran Malaysia bagi memastikan institusi itu memiliki sistem pengiktirafan dari segi pengurusan, integriti dan kewangan.

460 maahad persendirian nikmati bantuan

SEMUA maahad tahfiz persendirian yang berdaftar di Selangor akan menikmati pelbagai bantuan bernilai sehingga RM100,000 setahun, bergantung kepada keperluan mereka.

Menurut presiden Persatuan Institusi Tahfiz AL-Quran Selangor (PITAS), bantuan tersebut akan disalurkan pelbagai agensi negeri selain Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"(Nilai) bantuan yang diberi boleh mencecah antara RM30,000 hingga RM100,000 setahun bergantung kepada



keperluan dan keadaan institusi," kata Dr Muhammad Hafiz Haneefa.

Beliau memberitahu ia disalurkan kepada 460 maahad yang menyertai program pemutihan iaitu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Kerajaan Selangor turut menyediakan bantuan tambahan sekitar RM20,000 hingga RM30,000 setahun bagi membantu pengurusan institusi tahfiz berdaftar.

"Semua ini menunjukkan apabila institusi tahfiz berdaftar secara rasmi, lebih banyak bantuan dapat disalurkan kepada sekolah, guru dan juga pelajar," katanya.

Menurut Dr Muhammad Hafiz, maahad tahfiz berdaftar juga berpeluang mengikuti pelbagai kursus dan latihan berkala yang disediakan kepada agensi agama peringkat persekutuan dan negeri.

Baru-baru ini, EXCO Agama Islam, Dr Mohamad Fahmi Ngah berkata proses pemutihan dijangka selesai sepenuhnya menjelang suku akhir tahun ini dan hanya 15 maahad belum berbuat demikian.

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

MAKMAL al-Quran berasaskan teknologi digital akan dibangunkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Tahfiz di Selangor bagi membantu memperbaiki bacaan dan hafazan dengan lebih sistematik.

Presiden Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (PITAS), Dr Muhammad Hafiz Haneefa berkata ia akan dilengkapi komputer dan perisian khas untuk menyemak ketepatan bacaan.

Beliau memberitahu konsep makmal itu sama seperti makmal sains atau makmal kemahiran hidup tetapi ia khusus untuk pembelajaran dan penguasaan al-Quran menggunakan teknologi mutakhir.

"Akan ada komputer yang dipasang dengan pelbagai perisian atau aplikasi berkaitan al-Quran, termasuk teknologi yang mampu mengesan tahap ketepatan bacaan pelajar.

"Sebagai contoh, pelajar boleh membaca ayat al-Quran dan sistem dalam komputer boleh menilai bacaan dan memapar peratus ketepatan," katanya kepada Media Selangor.

Menurut Dr Muhammad Hafiz, makmal tersebut juga menyediakan pelbagai rujukan antaranya tafsir, kaedah penulisan al-Quran serta panduan qiraat yang boleh dimanfaatkan pelajar tahfiz.

"Pelajar bukan sahaja boleh membaca tetapi menulis ayat al-Quran dalam pelbagai qiraat selain membuat rujukan tafsir dan memahami pelbagai isu berkaitan al-Quran melalui sistem," katanya.

Beliau menjelaskan makmal berkenaan sebahagian daripada IPG Tahfiz yang dijadual siap dibina dalam masa dua tahun lagi di tanah wakaf di Kampung Sungai Kertas, Gombak.

Katanya, makmal yang boleh menempatkan 30 pelajar dalam satu-satu masa mengambil inspirasi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Kita mahu standard di universiti dapat diterap di IPG Tahfiz supaya pelajar dapat kemudahan pembelajaran al-Quran lebih berkualiti dan selari perkembangan teknologi semasa," katanya.

Menurut Dr Muhammad Hafiz, IPG Tahfiz berperanan melatih guru tahfiz secara profesional dan membina piawaian latihan tersusun selain menyeragam kaedah pengajaran dan pendekatan hafazan.

Beliau juga menyifatkan keperluan tersebut kian mendesak ekoran ramai lepasan tahfiz hanya menjadi guru di institusi sama ekoran mereka tidak menerima latihan perguruan formal.

Katanya, ramai pelajar yang tamat hafazan menjadi guru sementara diikuti lantikan tetap tetapi mereka tidak mengikuti khusus pedagogi,



Akan ada komputer yang dipasang dengan pelbagai perisian atau aplikasi berkaitan al-Quran, termasuk teknologi yang mampu mengesan tahap ketepatan bacaan pelajar. Sebagai contoh, pelajar boleh membaca ayat al-Quran dan sistem dalam komputer boleh menilai bacaan dan memapar peratus ketepatan

Makmal al-Quran dalam institut perguruan

Tingkat mutu hafazan



psikologi pendidikan atau pendekatan moden.

"Sedangkan kemahiran tersebut penting untuk membentuk seorang guru yang profesional," katanya sambil menjelaskan institut itu boleh menempatkan kira-kira 100 guru dalam satu-satu masa.

Sebelum ini, beliau berkata penyelarasan kaedah pengajaran penting ekoran latar belakang guru tahfiz di negara ini berbeza-beza lantaran masing-masing belajar pengajian Islam di serata tempat termasuk Turkiye, Pakistan dan Makkah.

FAKTA INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) TAHFIZ

- dibina di tanah wakaf di Kampung Sungai Kertas, Gombak
- seluas setengah ekar
- bangunan tiga tingkat meliputi makmal al-Quran
- anggaran kos RM5 juta
- dijadual siap pada 2027

Tubuh yayasan urus aset infak

SEBUAH yayasan tahfiz akan ditubuhkan bagi mengurus aset infak sekali gus memastikan segala sumbangan kepada institusi tahfiz dikawal selia dengan lebih baik.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu yayasan tersebut akan dikendalikan Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) dan memiliki lembaga pengurusan sendiri.

"Yayasan ini juga akan berfungsi dari segi pengurusan infrastruktur supaya dapat memberi input kepada Kerajaan Negeri.

"Tabung amanah tahfiz juga ditubuhkan bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memudahkan mereka menderma kepada satu pusat sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis perasmian Ijtima' Huffaz Selangor ke-19 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 16

Mac.

Dalam program itu, Setiausaha MAIS Dr Ahmad Shahir Makhtar menerima anugerah Tokoh Pendukung Pendidikan Tahfiz Selangor manakala Mohammad Bokhari Shariff Tokoh Pendukung Institusi Tahfiz Selangor.

Selain itu, Dr Mohammad Fahmi memaklumkan pihaknya dalam proses untuk menjadikan Tahfiz Selangor sebagai jenama dalam melahirkan generasi celik al-Quran.

Beliau menjelaskan pihaknya mahu menjadikan Tahfiz Selangor sebagai jenama melahirkan generasi celik al-Quran sekali gus setaraf sekolah bawah Kementerian Pendidikan.

"Modul pengajaran juga akan diselaras atau mempunyai standard sendiri yang lebih baik. Kita jangka penjenamaan semula ini selesai menjelang pilihan raya," katanya.

CERDIK UKHRAWI, PINTAR DUNIAWI

Oleh: **NORZILAWATI SIDEK**

Kerajaan Selangor mengadakan pelbagai inisiatif untuk memastikan pengajian tahfiz, dari peringkat rendah hingga ke menara gading, tidak ketinggalan sebaliknya memenuhi keperluan semasa. Langkah tersebut bertujuan memastikan mereka tidak terpisah daripada pembelajaran arus perdana termasuk bidang kemahiran.

Banyak bantuan disalurkan meliputi penyediaan program tertentu dan aspek kewangan bagi membantu pelajar tahfiz bukan sahaja memiliki pengetahuan agama mendalam tetapi dilengkapi kelayakan akademik dan kemahiran.

Berikut antara inisiatif tersebut:

LALUAN KHAS SPM

Pelajar tahfiz ditawarkan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui program Laluan Khas (fast track) SPM Huffaz Selangor yang terbuka kepada institusi berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sejak 2019. Hampir 400 pelajar menggunakan kemudahan itu saban tahun. Seramai 15 pelajar meraih keputusan cemerlang 7A atau 8A. Kadar kelulusan hampir 100 peratus walaupun belajar hujung minggu.



KEBAJIKAN MAHASISWA DI ASIA BARAT

Tabung Amanah Pembangunan dan Pengurusan Pelajar Timur Tengah ditubuhkan bagi membangunkan asrama baharu untuk mahasiswa yang melanjutkan pengajian di Mesir. Kerajaan Selangor menyuntik dana permulaan sebanyak RM5 juta.

Kerajaan Negeri juga menyalur dana RM200,000 bagi membaik pulih bangunan Asrama Selangor di Mesir yang digunakan sejak 1992. Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut mengadakan lawatan kerja ke negara itu pada November 2023.

Dalam Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah di Amman, Jordan pada tahun sama yang menghimpunkan lebih 300 anak Selangor, sebanyak 24 kertas cadangan dipanjang kepada pentadbiran negeri meliputi aspek pembangunan, kebajikan, kerohanian dan pentadbiran.

TAHFIZ DALAM ISTANA

Setiap lima tahun, 10 remaja lelaki dari seluruh daerah di negeri ini terpilih untuk mengikuti pengajian Tahfiz Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang. Setakat ini, seramai 32 alumni dilahirkan dan mereka kini bergelar doktor, akauntan, jurutera dan guru.



HUFFAZ PROFESIONAL



Pelajar tahfiz dari Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) milik Kerajaan Negeri yang cemerlang dalam SPM boleh sambung pengajian ke luar negara antaranya Mesir, Jordan dan Maghribi dalam bidang profesional termasuk perubatan, seni bina, kejuruteraan, perakaunan dan perundangan. Mereka lazimnya bergelar doktor hafiz, jurutera hafiz atau akauntan hafiz selepas tamat pengajian.

JAIS bekerjasama dengan universiti tempatan bagi menjayakan program itu. Universiti Islam Selangor turut menyediakan tempat kepada golongan tersebut. Lembaga Zakat Selangor pula menyediakan dermasiswa untuk pelajar asnaf mengikut pengajian itu.



BAIK PULIH PENDAWAIAN SEKOLAH AGAMA

JAIS mengenal pasti 13 sekolah agama berusia lebih 20 tahun yang memerlukan proses pembaikan pendawaian elektrik.

Bantuan sejak 2009 dijalankan bagi membaik pulih infrastruktur terutama bangunan yang ditimpa bencana. Tahun lalu, sebanyak 873 sekolah menerima manfaat termasuk sekolah agama.

TAHFIZ TVET

Peruntukan RM1 juta disediakan setiap tahun bagi menjayakan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) untuk lepasan tahfiz anak negeri mengikuti bidang TVET.

Pelajar yang menepati kelayakan berpeluang mengikuti bidang kemahiran automotif, elektrik, teknologi maklumat, pastris dan kulinari, penyediaan pakaian wanita dan penyamanan udara. Program itu kelolaan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC).

BANTUAN UNTUK KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA)

Subsidi yuran RM30 sebulan diberi kepada murid dari kalangan keluarga berpendapatan rendah sejak tahun 2022. Kerajaan Selangor juga menyelaras elaun guru kepada RM1,500 sebulan termasuk caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Para guru juga menerima bantuan khas kewangan RM500 sempena sambutan Aidilfitri.



TVET bukan jalan kerjaya alternatif

Fesyen serlah rona kreativiti fabrik

Oleh **ANNA FARINA ABDUL RAUF**

MENYEDARI dirinya bukan pelajar cemerlang dalam akademik, Khaire Idris, 25, memilih laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang membawanya menemui hala tuju dalam dunia fesyen.

Anak muda itu mengakui keputusan tersebut bukan sekadar pilihan alternatif, sebaliknya menjadi titik perubahan penting yang membina keyakinan dirinya.

"Saya bukan pelajar yang pandai dalam akademik, jadi saya rasa laluan teknikal mungkin lebih sesuai untuk saya cuba," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Keputusan menyambung pengajian di Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) membuka ruang kepada Khaire mengenali potensi sebenar dirinya.

Mengambil program Pembuatan Pakaian Wanita, pada awalnya beliau beranggapan bidang fesyen hanya berkaitan pengayaan, namun persepsi itu berubah sepenuhnya selepas mengikuti latihan secara formal.

Menurut Khaire, STDC menjadi wadah penting untuk mempelajari asas teknikal dalam bidang fesyen yang kini menjadi rujukan utama dalam kerjayanya.

"Bila masuk STDC, barulah saya tahu bidang fesyen ini sangat luas dimana ia bukan sekadar menjahit seperti yang ramai sangka, ia juga merangkumi pemilihan pola, penyediaan fabrik, memotong dan teknik jahitan.

"Fesyen bukan sekadar kreativiti, bidang ini ada proses teknikal, struktur kerja dan disiplin yang perlu dipatuhi," katanya.

Miliki studio sendiri

Hasil pengalaman dan kemahiran, Khaire kini memiliki 'homestudio' fesyen sendiri di Jalan Ampang, Kuala Lumpur yang menjadi tempat beliau menerima pelanggan serta menghasilkan rekaan pakaian.

Menjelang musim perayaan, tempahan yang diterima juga memberangsangkan sehingga jadualnya dipenuhi lebih awal.

"Alhamdulillah, tempahan untuk musim perayaan biasanya sudah penuh sebelum Ramadan lagi, pelanggan mengambil kesempatan untuk menempah lebih awal," katanya.

Walaupun masih bertatih, Khaire kini sedang



"Bila masuk STDC, barulah saya tahu bidang fesyen ini sangat luas dimana ia bukan sekadar menjahit seperti yang ramai sangka, ia juga merangkumi pemilihan pola, penyediaan fabrik, memotong dan teknik jahitan."

KHAIRE IDRIS

membina jenama fesyennya sendiri dengan harapan dapat memperluaskan lagi rekaan yang dihasilkan pada masa hadapan.

Namun perjalanan dalam industri fesyen bukan tanpa cabaran, terutama berkaitan tanggapan masyarakat terhadap sesuatu rekaan sekalipun beliau tidak mengejar populariti.

Peluang Kerjaya

- Pereka fesyen
- Kurator fesyen
- Usahawan butik jahitan
- Tenaga pengajar
- Jurujahit
- Pengilustrasi fesyen
- Perunding imej
- Pembuat pola



Tawaran Pengajian

Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC)

- ❖ **Kursus Pembuatan Pakaian Wanita**
Tumpu rekaan fesyen pakaian wanita, teknik memotong, menjahit, penggunaan mesin moden, selain beri pendedahan awal kepada industri fesyen.

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

- ❖ **Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Fesyen**
Tekankan latihan berasaskan kreativiti dan reka bentuk, proses teknikal dan pengeluaran serta pengetahuan teori untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi.

Universiti Pengurusan dan Sains (MSU)

- ❖ **Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Fesyen dengan Pemasaran**
Program merangkumi aspek teknikal, kreatif dan kontekstual bagi melatih pelajar berfikir kritis serta 14 asas kemahiran dan penyelesaian masalah.

Sumber:

○ Portal STDC, UiTM & MSU

Rahsia skor cemerlang Bahasa Melayu

1 Cara paling berkesan menguasai rumusan dan pemahaman

PENGUSAHAAN menulis rumusan bermula dengan latihan mengenal pasti tema dan tugas atau fokus yang terdapat dalam pelbagai bahan sama ada petikan, grafik, dialog atau bahan sastra.

Perkara yang sama berlaku terhadap soalan pemahaman yang berbentuk pemindahan maklumat.

Murid-murid perlu membaca pelbagai bahan yang berbentuk petikan umum atau sastra dan mengenal pasti isi yang terdapat dalam bahan dengan tepat.

Oleh sebab itu, murid-murid perlu menguasai kemahiran membaca supaya mereka dapat mengasingkan isi utama mengikut tugas dengan isi sampingan, contoh dan huraian.

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran ini, murid-murid perlu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Murid juga perlu menguasai aspek bahasa agar penulisan jawapan lebih gramatis dan ksilapan bahasa dapat dikurangnya. Jurulatih Utama Negeri Selangor, **ROHAIZA OMAR** berkongsi cabaran, strategi pembelajaran dan teknik menjawab peperiksaan berkenaan. Beliau yang juga guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang berkongsi rahsia skor cemerlang Bahasa Melayu. Berikut tips berguna bagi persediaan calon SPM



2 Peranan bahan bacaan ringan

MEMBACA berita, rencana dan cerpen membantu membina kosa kata, menulis ayat matang dan menjana idea yang tepat.

Namun, bacaan mesti dilakukan secara aktif dan bermakna. Gunakanlah teknik bacaan seperti KWLH, CHATT, REAP, QUACK dan lain-lain supaya murid-murid dapat memahami maklumat yang dibaca dengan lebih baik.

KWLH

- **K (KNOW):** Catat apa yang sudah diketahui mengenai tajuk sebelum membaca
- **W (WANT):** Catat apa yang ingin diketahui atau soalan yang ingin dijawab
- **L (LEARNED):** Catat maklumat yang telah dipelajari selepas membaca
- **H (HOW):** Cara atau sumber untuk mendapatkan maklumat tambahan (bacaan seterusnya)

CHATT

- **C (CHOOSE):** Pilih tajuk atau bahan bacaan
- **H (HIGHLIGHT):** Gariskan isi penting, kata kunci, atau ayat topik
- **A (ANSWER):** Jawab soalan yang terdapat dalam teks atau soalan yang disediakan guru
- **T (TEST):** Uji kefahaman diri sendiri dengan cuba ingat kembali maklumat tanpa melihat teks
- **T (TEACH):** Cuba ajar atau jelaskan kembali maklumat yang difahami kepada rakan atau diri sendiri (teknik mengajar)

REAP

- **R (READ):** Baca teks dengan teliti
- **E (ENCODE):** Ubah maklumat daripada teks ke dalam ayat/perkataan sendiri (paraphrase)
- **A (ANNOTATE):** Buat catatan (anotasi) penting seperti nota kaki atau nota sisi untuk menyokong idea
- **P (PONDER):** Fikir dan renung kefahaman mendalam mengenai teks, termasuk pendirian pembaca (setuju/tidak setuju)

QUACK

- **Q (QUESTION MARK):** Letakkan tanda '?' pada perkataan atau idea yang kabur/tidak difahami
- **U (UNDERLINE):** Gariskan takrif atau definisi penting
- **A (ASTERISK):** Letakkan tanda (*) pada maklumat atau idea yang penting/menarik
- **C (CIRCLE):** Bulatkan fakta penting atau kata kunci utama
- **K (KEYWORD):** Tulis huruf 'K' di sebelah kata kunci (selalunya tebal/condong)

3 Pendahuluan dan penutup yang menarik

PENDAHULUAN yang baik mampu mencerminkan kematangan calon. Namun jangan lupa, dalam pendahuluan, masukkan tema dan tugas.

Elakkan menulis isi dalam pendahuluan. Terdapat pelbagai cara untuk menulis pendahuluan yang menarik seperti pendahuluan berbentuk fakta, peribahasa, lirik lagu, dan kata-kata tokoh.

Dalam Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS), murid dilatih untuk menulis pendahuluan menggunakan akronim THINK - T (Tema), H (Huraian), I (Isu), N (Negatif/Natijah) dan K (Kehendak soalan).

Penutup yang bernas menzahirkan keupayaan

membuat kesimpulan, cadangan dan harapan atau singkatannya ialah KECAHA - Ke (Kesimpulan), Ca (cadangan) dan Ha (harapan).

Jangan lupa masukkanlah ungkapan menarik bukannya kata-kata bombastik agar pendahuluan dan kesimpulan yang kalian tulis menarik.

4 Mengolah isi dengan gaya lebih meyakinkan

KEMATANGAN penulisan terletak pada keupayaan mempelbagaikan ayat, menghuraikan isi secara mendalam dan menyokong hujah dengan contoh relevan, bukan sekadar menyenaraikan fakta.

5 Latihan mingguan paling efektif

LATIHAN yang konsisten, berfokus dan disertai refleksi sendiri lebih berkesan berbanding latihan berlebihan. Murid perlu sedar akan kelemahan sendiri dan memperbaikinya secara berperingkat.

Penggunaan modul Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan latih tubi soalan-soalan SPM serta percubaan sangat membantu murid-murid untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam SPM.

Rahsia untuk mahir Bahasa Melayu

- ✓ Murid-murid perlu menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis secara konsisten kerana konsep belajar bukan tentang berapa banyak yang anda hafal tetapi berapa banyak yang anda fahami
- ✓ Penguasaan kemahiran membaca melalui penggunaan pelbagai teknik bacaan untuk mengenal pasti idea utama, memahami kehendak soalan, menilai isi, dan membina hujah yang mantap semasa ujian bertutur
- ✓ Dari segi penulisan karangan, penggunaan KCMS sangat membantu murid-murid kerana kit ini menyediakan panduan

membina idea, menyusun perenggan, memilih penanda wacana yang tepat dan menghasilkan karangan yang koheren serta menarik

- ✓ Untuk ketepatan bahasa, Kit Celik Bahasa Selangor dapat membantu murid-murid memahami tatabahasa dengan lebih sistematik termasuklah aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan dan peribahasa

- ✓ Latihan berterusan, pembetulan kesalahan, maklum balas guru serta keyakinan diri akan membentuk penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu yang kukuh, seterusnya memastikan kejayaan dalam peperiksaan SPM

Oleh **SOFIA NASIR** | Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

SEGALANYA bermula dengan pelawaan sang ibu yang mahu anaknya mencuba sesuatu yang baharu. Tanpa diduga, langkah kecil itu akhirnya membuka jalan besar buat seorang remaja.

Saif Nordin mula diperkenalkan kepada sukan lawan pedang di Touche Fencing Club, Petaling Jaya, ketika usianya baharu lapan tahun. Pada awalnya, ia sekadar aktiviti hujung minggu yang dicadangkan ibunya, Somaya Ong, 45.

Namun daripada sekadar mencuba, timbul rasa minat yang semakin mendalam. Kini dia menggalas tanggungjawab sebagai atlet kebangsaan, membawa harapan untuk mengharumkan nama negara.

Remaja 15 tahun itu menyifatkan sukan berkenaan bukan sekadar menuntut kekuatan fizikal, malah strategi serta ketajaman mental yang tinggi.

"Sebelum menyertai sukan lawan pedang secara serius, saya pernah main sukan tenis dan tae kwon do, namun semuanya hanya untuk mengisi masa lapang sahaja.

"Tapi sukan lawan pedang ini berbeza. Saya perlu sentiasa tampil cergas dan gunakan fikiran dengan baik ketika berlawan dan itu merupakan satu kepuasan kepada saya," katanya kepada Media Selangor.

Lawan pedang merupakan sukan tempur satu lawan satu yang menggunakan senjata bilah, selain menumpukan kepada ketangkasan tangan, kelajuan serta teknik menusuk dan menangkis.

Terdapat tiga jenis senjata utama yang digunakan dalam sukan ini - floret, degen dan sabel - yang mempunyai peraturan dan teknik tersendiri.

Secara umumnya, pemarkahan dikira apabila senjata pemain mengenai sasaran sah pada pihak lawan, yang biasanya dikesan menggunakan sistem elektronik.

Remaja yang memiliki ketinggian 184 sentimeter, sudah melayakkan diri ke beberapa pertandingan di peringkat antarabangsa, selain menjadi antara atlet sandaran pingat emas bagi kontinjen Selangor dalam Sukan Malaysia (SUKMA), pada Ogos depan.

Atlet berdarah kacukan Lubnan-Australia dan Cina ini juga berjaya mengumpul sebanyak 17 pingat emas, tiga pingat perak dan 15 pingat gangsa bermula dari 2023 hingga tahun lalu.

Semua kejayaan tersebut hasil usaha dan disiplin tinggi Saif yang menjalani rutin jadual harian yang ketat demi mengimbangi tuntutan akademik dan latihan sukan.



Langkah kecil, impian besar

BIODATA RINGKAS

- umur 15 tahun
- berdarah kacukan Lubnan-Australia dan Cina
- pelajar Sunway International School
- atlet tajaan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
- raih 17 emas, tiga perak dan 15 gangsa (2023 - 2025)
- idola: Iimura Kazuki dari Jepun

Latihan bulan puasa

Setiap hari, anak bongsu daripada empat beradik itu memulakan pagi dengan sesi persekolahan di Sekolah Antarabangsa Sunway Bandar Sunway dan sebaik pulang, Saif akan menjalani latihan fizikal selama empat jam.

Dia kemudiannya memperuntukan dua hingga tiga jam setiap hari bagi sesi latihan lawan pedang, termasuk bersama jurulatih peribadinya, Andrew Mok Vern-Han pada setiap Sabtu, dengan Jumaat dijadikan sebagai hari rehat.

"Walaupun pada bulan

Ramadan, saya tetap menjalani latihan tersebut seperti biasa. Ia bukan alasan kepada saya untuk berehat atau mengurangkan tempoh latihan," kata atlet tajaan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau (MBI) ini.

Menjadikan atlet lawan pedang nombor satu dunia dari Jepun, Iimura Kazuki sebagai idola, Saif berkata, antara strategi utamanya untuk memenangi perlawanan adalah kekal tenang dan fokus.

Jika tekanan menghadapi pertandingan memuncak, dia akan mengambil masa seketika untuk berehat dan mengalih sedikit perhatian dengan berbual bersama rakan-rakan atau keluarga.

Bapanya, Nordin Abdullah menyifatkan Saif sebagai anak yang rajin dan berdedikasi, dengan pujian harus diberikan kepada ibunya yang sentiasa memastikan setiap perkara dalam keadaan sempurna.

Sesuai dengan nama Saif yang bermaksud 'pedang' dalam bahasa Arab, lelaki 49 tahun itu berharap anak bongsunya itu mampu mencipta sejarah mewakili negara dalam Sukan Olimpik pada 2032 yang dijadual berlangsung di Australia.

"Kita mahu pergi sejauh mungkin. Jika ada rezeki, saya berharap Saif dapat melayakkan diri ke Sukan Olimpik pada 2032. Tidak ramai yang tahu, kita memerlukan latihan antara lapan hingga 10 tahun untuk seseorang atlet itu bersedia.

"Ini adalah program yang besar untuk menjadikan Saif bersedia. Saya harus ucapkan terima kasih kepada ramai pihak, antaranya Majlis Sukan Negeri, Yayasan MBI, Majlis Olimpik Malaysia, Persekutuan Lawan Pedang Malaysia dan semua pihak," katanya.

"Saya perlu sentiasa tampil cergas dan gunakan fikiran dengan baik ketika berlawan dan itu merupakan satu kepuasan kepada saya"

SAIF NORDIN